

Perkasa industri kelapa

Pelbagai pihak bekerjasama anjur bengkel bantu nilai tambah

KELAPA mungkin bukan tanaman utama di negara ini, namun gelarnya sebagai 'pokok kehidupan' tidak dapat dipertikai atas kepelbagaian jenis dan kegunaannya bermula dari daun, batang, buah, bunga serta akarnya.

Umum juga sedia maklum, walaupun tanaman kelapa adalah tanaman keempat terbesar di negara ini, ia tetap menjadi industri penting kepada negara kerana ia menyumbang kepada sosioekonomi khususnya dalam pembasmian kemiskinan dalam kalangan pekebun kecil kelapa.

Selain itu, industri kelapa juga penting untuk memenuhi keperluan kelapa segar dan pemrosesan negara di samping berkeupayaan menjana sumber-sumber pertumbuhan baharu seperti minyak kelapa dara (VCO).

Sebahagian besar daripada variasi kelapa yang ditanam adalah dari jenis tradisional iaitu *Malayan Tall* dan jenis hibrid komersial seperti Matag (hibrid *Malaysian Tall* dan varieti *Tagnanan*), pandan dan mawar dan dianggarkan 61 peratus daripada keluasan kelapa di Semenanjung Malaysia dengan kawasan utamanya adalah Hilir Perak (Perak), Sabak Bernam (Selangor) dan Batu Pahat (Johor).

Sebagai tanaman yang mempunyai 1,001 macam kegunaan, industri kelapa negara juga tidak terlepas daripada cabaran masa kini misalnya usia ladang kelapa yang tua dan tidak berganti dengan tanaman baharu menyebabkan hasil kelapa semakin berkurang.

Kekurangan kawasan tanaman juga menyebabkan pengeluaran kelapa tempatan masih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan kelapa segar dan industri pemrosesan.

Antara cabaran lain, bekalan benih hibrid kelapa masih tidak mencukupi selain kekurangan teknologi terkini yang dapat digunakan dalam industri tanaman kelapa.

Bukan itu sahaja, kecenderungan pekebun kecil kelapa untuk menukar kepada tanaman lain turut menjadi cabaran utama dalam industri kelapa selain kos pengeluaran dan pemrosesan yang semakin meningkat.

Oleh demikian, melihat akan kepentingan industri kelapa, Persatuan Alumni Universiti Putra Malaysia (PAUPM) dengan kerjasama Fakulti Pertanian UPM bersama-sama agensi serta jabatan bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah bekerjasama untuk menganjurkan program Bengkel Kelapa Kebangsaan 2016.

Pengerusi jawatankuasa penganjur program, **Datuk Syed Abd. Rahman Abd. Rashid** berkata, program tersebut



SYED ABD. RAHMAN/ABD. RASHID (tengah) menjelaskan lebih lanjut mengenai penganjur Bengkel Kelapa di Serdang baru-baru ini.



STESEN MARDI Hilir Perak menjadi antara pusat penyelidikan tersohor mengenai kelapa.

merupakan usaha untuk memulihkan industri kelapa tempatan berdasarkan cabaran yang dihadapi.

Menurutnya, usaha perlu dilakukan dengan mengatur strategi meningkatkan produktiviti supaya pendapatan pekebun kecil turut meningkat dan bekalan kelapa negara bertambah bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan dan eksport.

"Bengkel ini merupakan platform bagi semua pihak yang terlibat dalam industri untuk memberi dan mendapatkan maklum balas terkini senario industri kelapa di Malaysia menerusi penemuan-penemuan baharu dan kegunaannya dalam mengekalkan dan memajukan ekonomi.

"Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk mengemas kini perkembangan industri kelapa di negara ini serta membantu kerajaan dan agensi terlibat untuk melaksanakan polisi dalam mencapai pertumbuhan dan perkembangannya sebagai industri yang sedang meningkat naik.

"Selain itu, melalui bengkel ini juga kita dapat membincangkan strategi yang dapat membina platform interaksi dan faedah

bersama antara pemegang taruh di Malaysia," katanya dalam sidang akhbar yang diadakan di UPM, Serdang baru-baru ini.

Menurut Syed Abd. Rahman, antara topik menarik yang akan dibincangkan dalam seminar tersebut ialah *Rangkaian Global Kelapa* oleh Dr. Sivapragasam dari Biro Pertanian Komanwel Antarabangsa (CABI), *Ekonomi Industri Kelapa* oleh Prof. Madya Dr. Ismail Latif dari UPM, *Produk Hiliran Kelapa* oleh Linaco Manufacturing Sdn. Bhd.

"Secara umum, terdapat beberapa aspek yang akan dibincangkan dalam bengkel tersebut untuk dikemukakan kepada pihak kerajaan dan industri seperti dari aspek sosial, teknikal, pentadbiran, pengurusan, ekonomi, alam sekitar dan politik.

"Menerusi penganjur program ini juga, kami berharap agar beberapa cadangan atau tindakan dapat dilaksanakan oleh pihak berkaitan untuk melakukan penanaman semula kelapa serta pemulihan kelapa.

"Penganjur bengkel ini juga dapat membantu penyelarasan khas untuk penubuhan unit atau badan khas untuk menguruskan segala hal berkaitan hal ehwal tanaman kelapa di Malaysia," ujarnya.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, **Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek** dijangka merasmikan bengkel tersebut.

INFO BENGKEL KELAPA

- Tarikh: 9 Ogos 2016
- Lokasi: Bangunan Canselori Putra UPM.
- Masa: Pukul 8 pagi hingga 6 petang.
 - Yuran Umum: RM350
 - Alumni: RM200
 - Pelajar: RM50
- Pempamer: RM500 bagi mereka yang ingin terlibat sebagai pempamer

ANTARA OBJEKTIF BENGKEL:

1. Mengemas kini dan perkembangan industri kelapa tempatan.
2. Membantu kerajaan dan agensi terlibat melaksanakan polisi dalam usaha mencapai pertumbuhan dan perkembangannya sebagai industri yang berkembang.
3. Membincangkan strategi yang dapat membina platform interaksi dan faedah bersama antara pemegang taruh (*stakeholders*) di Malaysia.

ANTARA TOPIK YANG AKAN DIBINCANG DAN DIBENTANGKAN DALAM BENGKEL:

- Rangkaian kelapa global
- Kajian industri kelapa tempatan
- Ekonomi industri kelapa
- Pandangan terhadap pengeluaran kelapa oleh sektor perladangan tempatan
- Isu biosekuriti kelapa
- Produk hiliran kelapa
- Program penyelidikan dan pembangunan (R&D) hulu dan hiliran kelapa
- Faedah kesihatan kelapa

